SULIT

NO.KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

ANGKA GILIRAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR 2019

**BAHASA MELAYU – PENULISAN** **022/032**

**Julai**

1 ¼ jam **Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *atau* **nombor sijil kelahiran** *dan* **angka giliran** *kamu pada petak yang disediakan.*

2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian:* **Bahagian A, Bahagian B** *dan* **Bahagian C**.

3. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*

4. *Bagi* **Bahagian C**, *kamu boleh memilih sama ada menjawab* **Soalan 1** *atau* **Soalan 2**.

5. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas peperiksaan.*

| Kod Pemeriksa: | | |
|---|---|---|
| Bahagian | No. Soalan | Markah |
| A | | 10 |
| B | | 15 |
| C | | 25 |
| **Jumlah** | | **50** |

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

[*Lihat halaman sebelah*



Scanned by CamScanner

## Bahagian A

[10 *markah*]

[*Masa dicadangkan* : 15 *minit*]

*Gambar di bawah menunjukkan sebab-sebab ramai orang berminat melancong ke Malaysia.*
*Tulis* **lima** *ayat yang lengkap tentang gambar tersebut.*
*Tulis* **satu** *ayat yang lengkap bagi setiap gambar.*




Scanned by CamScanner

## Bahagian A

1

2

3

4

5

10

[*Lihat halaman sebelah*



Scanned by CamScanner

**Bahagian B**

*[15 Markah]*

*[Masa dicadangkan : 25 minit]*

*Petikan di bawah menunjukkan kelebihan belajar secara berkumpulan.*

*Tulis ulasan tentang kelebihan belajar secara berkumpulan.*

*Panjang ulasan kamu hendaklah* **antara 40 hingga 70 patah perkataan.**

Belajar secara berkumpulan atau belajar bersama-sama rakan-rakan kita mempunyai banyak kelebihan. Antaranya kita dapat menambah pengetahuan. Hal ini demikian kerana apabila kita belajar secara berkumpulan, kita dapat mengadakan perbincangan. Semasa perbincangan, pelbagai idea dan pendapat akan terhasil. Pendapat-pendapat tersebut merupakan pengetahuan baharu untuk kita.

Selain itu, belajar dalam kumpulan juga memudahkan kita memahami sesuatu tajuk pelajaran. Sebagai contoh, sekiranya kita tidak dapat memahami sesuatu topik , rakan kita akan dapat menerangkan kepada kita secara lebih mendalam. Hal ini sudah tentu akan dapat membantu kita untuk menghadapi masalah topik yang sukar.

Di samping itu, apabila belajar secara berkumpulan, sudah pasti kita akan saling bertanya khabar, kenal-mengenali dan bergurau senda. Hal ini sudah pasti akan mewujudkan hubungan yang lebih akrab antara satu sama lain.

Semasa belajar bersama-sama, kita berpeluang mengadakan perbincangan, mengeluarkan pendapat, menjawab tugasan dan menulis nota. Ini akan dapat mengelakkan kita merasa bosan atau stres. Aktiviti sebegini tidak dapat kita lakukan jika belajar secara bersendirian.

Kesimpulannya, belajar secara berkumpulan banyak memberi kebaikan kepada kita. Ia merupakan kaedah belajar yang sihat dan dapat membantu kita mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan.



Scanned by CamScanner

Bahagian B



Scanned by CamScanner

**Bahagian C**

| No. Soalan | |
|---|---|



Scanned by CamScanner

[Lihat halaman sebelah



Scanned by CamScanner

**Bahagian C**

[*25 Markah*]

[*Masa dicadangkan : 35 minit*]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab* **satu soalan** *sahaja.*
*Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **antara 70 hingga 100 patah perkataan.**

**Soalan 1**




Berdasarkan poster kempen keselamatan jalan raya di atas, ada pelbagai cara untuk menjaga keselamatan di jalan raya.
Tulis karangan tentang cara-cara menjaga keselamatan di jalan raya selengkapnya.

**ATAU**

**Soalan 2**

Sambutan perayaan sesuatu kaum disambut dengan penuh meriah dan gembira.
Tulis sepucuk surat kepada rakan kamu untuk menceritakan pengalaman kamu ketika menyambut perayaan tersebut.

[*Lihat halaman sebelah*



Scanned by CamScanner

NO.KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

ANGKA GILIRAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR 2019

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN** **021/031**

**Julai**

1 ¼ jam **Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B**.

2. *Kamu dikehendaki menjawab* **semua** *soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*

3. *Bagi* **Bahagian A**, *setiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian* **hitamkan** *jawapan yang baharu.*

4. *Bagi* **Bahagian B**, *jawab* **semua** *soalan dalam ruang jawapan yang disediakan. Ceraikan* **Bahagian B** *daripada kertas peperiksaan ini.*

5. *Serahkan* **Bahagian B** *bersama-sama kertas jawapan* **objektif** *kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak di Bahagian A dan 6 halaman bercetak di Bahagian B.



Scanned by CamScanner

**Bahagian A**

[20 *markah*]

**Soalan 1 hingga 20**

*Pilih jawapan yang* **paling sesuai** *bagi soalan yang diberikan.*

1 "Tolong belikan_________________ sekaki payung dan sekotak susu segar," kata Rogayah kepada Asmah.

A kita

B saya

C kami

D mereka

2 Penyakit kuku dan mulut telah menyebabkan _________ekor lembu di kampung itu mati.

A segala

B tiap-tiap

C bertahun-tahun

D berpuluh-puluh

**Soalan 3** *berdasarkan gambar di bawah.*



3 Ibu merebus beberapa ________ubi keledek untuk minum petang.

A biji

B buah

C ketul

D tongkol



Scanned by CamScanner

**Soalan 4** *berdasarkan gambar dibawah.*



4 Hubungan Sanjay dan Saran seperti ________ .

A pungguk rindukan bulan.

B cincin dengan permata.

C aur dengan tebing.

D isi dengan kuku.

5 "__________, bergaya sungguh kamu hari ini!" kata emak kepada abang.

A Amboi

B Aduh

C Nah

D Eh

6 Encik Halim baru sahaja ______________ ke rumah yang baru dibelinya.

A berensot

B bergerak

C berganjak

D berpindah

7 Setelah lebih sebulan berada di tengah kota, Joshua mula terkenang __________ keluarganya di kampung.

A akan

B pada

C sejak

D tentang



Scanned by CamScanner

8 Puan Sarah menyediakan ________ sebagai pencuci mulut untuk tetamunya.

A bebola

B agar-agar

C sayur-mayur

D rempah-ratus

9 Keropok yang disimpan di dalam botol itu ________ kerana penutup botol tidak ditutup rapat.

A lesu

B lembik

C longlai

D lemau

10 Datin Sherry telah menggunakan khidmat ________ dalaman untuk menyusun atur perabot di rumahnya.

A jurusolek

B jurutera

C juruhias

D jurubina

11 Para pendatang asing tanpa izin itu telah ________ pulang ke negara masing-masing.

A dihantar

B hantarkan

C menghantar

D penghantaran

12 Sejak negara dilanda musim panas, banyak rumah dipasang dengan ________ untuk keselesaan penghuninya.

A pemanas air

B pendingin hawa

C penghalau serangga

D penyedut hampagas



Scanned by CamScanner

13 Abang Pravin akan mendarat tiba dari ______________________ sebentar lagi.

A Menara KOMTAR,George Town

B Underwater World Langkawi

C Lapangan Terbang Dublin

D Litar Lumba F1,Sepang

14 Nenek menikmati pemandangan indah <u>kampung</u> dari tepi tingkap .

**Perkataan sinonim** *bagi* <u>kampung</u> *adalah seperti berikut*

A kota

B desa

C bandar

D pedalaman

15 Jalan-jalan utama mulai <u>sesak</u> apabila tiba waktu lewat petang.

*Pilih* **perkataan antonim** *bagi* <u>sesak.</u>

A tegang

B lengang

C renggang

D senggang

16 *Pilih ayat pasif yang* **sama maksud** *dengan ayat aktif yang diberi*.

Saya akan memberitahu maklumat lanjut dalam kiriman e-mel nanti.

A Maklumat lanjut akan saya beritahu dalam kiriman e-mel nanti.

B Dalam kiriman e-mel nanti, maklumat lanjut saya akan diberitahu.

C Maklumat lanjut akan diberitahu oleh e-mel saya dalam kiriman nanti.

D Dalam kiriman e-mel nanti, saya akan diberitahu tentang maklumat lanjut.

17 *Pilih ayat yang* **betul**.

A Rumah baharu Puan Aminah amat cantik sekali.

B Semua orang tahu bahawa punca masalah itu tidak saya.

C Para guru-guru sedang mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat.

D Bila jam menunjukkan pukul 8.00 pagi, abang pun berjalan masuk ke pejabatnya.

*[Lihat halaman sebelah*



Scanned by CamScanner

13 Abang Pravin akan mendarat tiba dari ______________________ sebentar lagi.

A Menara KOMTAR,George Town

B Underwater World Langkawi

C Lapangan Terbang Dublin

D Litar Lumba F1,Sepang

14 Nenek menikmati pemandangan indah kampung dari tepi tingkap .

**Perkataan sinonim** *bagi* kampung *adalah seperti berikut*

A kota

B desa

C bandar

D pedalaman

15 Jalan-jalan utama mulai sesak apabila tiba waktu lewat petang.

*Pilih* **perkataan antonim** *bagi* sesak.

A tegang

B lengang

C renggang

D senggang

16 *Pilih ayat pasif yang* **sama maksud** *dengan ayat aktif yang diberi*.

Saya akan memberitahu maklumat lanjut dalam kiriman e-mel nanti.

A Maklumat lanjut akan saya beritahu dalam kiriman e-mel nanti.

B Dalam kiriman e-mel nanti, maklumat lanjut saya akan diberitahu.

C Maklumat lanjut akan diberitahu oleh e-mel saya dalam kiriman nanti.

D Dalam kiriman e-mel nanti, saya akan diberitahu tentang maklumat lanjut.

17 *Pilih ayat yang* **betul**.

A Rumah baharu Puan Aminah amat cantik sekali.

B Semua orang tahu bahawa punca masalah itu tidak saya.

C Para guru-guru sedang mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat.

D Bila jam menunjukkan pukul 8.00 pagi, abang pun berjalan masuk ke pejabatnya.



Scanned by CamScanner

**Soalan 18 hingga 20**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan –soalan yang berikutnya.*

> Penyu dan kura-kura adalah haiwan dalam kelompok reptilia iaitu berdarah sejuk. Badan kedua-duanya yang bersisik mempunyai bentuk hampir sama tetapi berbeza saiznya. Bahagian belakang kedua-dua haiwan ini bercangkerang keras. Umumnya penyu lebih besar daripada kura-kura. Namun begitu, terdapat juga kura-kura yang lebih besar seperti yang terdapat di kepulauan Galapagos.
>
> Penyu mempunyai bentuk kaki seperti duyung untuk kegunaan berenang di laut. Hidupnya memang di laut dan makanannya berupa vegetasi laut. Sedangkan kura-kura hidup di sungai, kawasan berpaya atau darat sehingga bentuk kakinya menyerupai kehidupan di darat. Makanan kura-kura pula ialah tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan kecil dalam kawasan habitatnya.
>
> Penyu hanya naik ke pantai apabila hendak bertelur manakala kura-kura bertelur di tepian air. Kedua-dua spesies haiwan ini menimbus telur-telur dengan pasir atau tanah sebaik sahaja selepas bertelur.

18 Penyu dan kura-kura tergolong dalam kelompok

A spesies air laut.

B haiwan besar herbivor.

C bertulang belakang keras.

D bersisik dan berdarah sejuk.

19 Yang manakah antara berikut merupakan penyataan yang **tidak benar**?

A Penyu dan kura-kura ialah haiwan dua alam.

B Kura-kura berbeza dengan penyu dari segi saiznya.

C Penyu tinggal di sungai, kawasan berpaya dan daratan.

D Persamaan kedua-dua spesis haiwan ini adalah pada bentuk badannya.

20 Mengapakah penyu dan kura-kura menimbus tanah atau pasir semula selepas bertelur ?

A Meredupkan telur-telurnya daripada sinaran matahari.

B Melindungi telur-telurnya daripada dimakan haiwan lain.

C Menjadikan telur-telurnya masin.

D Menjaga keindahan alam sekitar.

**BAHAGIAN A TAMAT**



Scanned by CamScanner

NO.KAD PENGENALAN/
NO. SIJIL KELAHIRAN

ANGKA GILIRAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR 2019
## BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN 021/031

**Bahagian B**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *atau* **nombor sijil kelahiran** *dan* **angka giliran** *kamu pada petak yang disediakan.*

2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.*

3. *Serahkan* **Bahagian B** *ini bersama-sama kertas jawapan* **objektif** *kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

| *Untuk Kegunaan Pemeriksa* | | | |
|---|---|---|---|
| Kod Pemeriksa : | | | |
| No. Soalan | | Markah Penuh | Markah Diperolehi |
| **21** | | 4 | |
| **22** | (*a*) | 2 | |
| | (*b*) | 2 | |
| | (c) | 4 | |
| **23** | | 5 | |
| **24** | (*a*) | 1 | |
| | (*b*) | 3 | |
| | (*c*) | 3 | |
| **25** | (*a*) | 2 | |
| | (*b*) | 2 | |
| | (c) | 2 | |
| **Jumlah** | | **30** | |

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

## Bahagian B

[30 *markah*]

**Soalan 21**

*Gariskan* **kata penguat** *yang sesuai bagi melengkapkan ayat di bawah.*

i) Penduduk kampung memberikan kerjasama yang (amat, terpaling) baik untuk menjayakan aktiviti itu.

ii) Pemandangan pulau itu dari atas bukit, kelihatan indah ( nian, agak).

iii) Murid-murid berasa ( tersungguh, sangat ) gembira ketika menyaksikan persembahan itu.

iv) Pertunjukan silap mata adalah acara yang ( sekali, paling ) dinanti-nantikan pada Hari Kanak-kanak.

[4 *markah*]

**Soalan 22**

(a) *Bina* **ayat aktif** *berdasarkan ayat pasif yang diberi.*

Ayat pasif : Bilik tidur itu telah dikemas oleh kakak pagi tadi.

Ayat aktif : ______________________________________________

______________________________________________

[2 *markah*]

(b) *Tulis* **perkataan berimbuhan** *yang sesuai bagi kata dasar diberi, pada tempat kosong.*

| sepak |
|---|

i) Kaki Jason luka kerana ________________ batu.

ii) Pemain bola itu sedang membuat ________________ sudut.

[2 *markah*]



Scanned by CamScanner

c) *Tulis* **penjodoh bilangan** *yang sesuai dengan perkataan yang diberi.*

i) sabun = ____________________

ii) cincin = ____________________

iii) sate = ____________________

iv) cendawan = ____________________

[4 *markah*]

**Soalan 23**

*Pilih perkataan yang* **paling sesuai** *untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.*

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| dia | kami | aku | anda | kamu |
| kita | awak | kalian | engkau | mereka |

Loceng berbunyi menandakan waktu rehat telah bermula. Guru berkata, "Murid-murid, ____________________ boleh ke kantin untuk rehat."

Murid-murid berbaris dan berjalan menuju ke kantin. ____________________ berjalan dengan berdisiplin. Saya dan Melvin, turut ke kantin. ____________________ ternampak seorang murid lelaki selesai makan sebuku roti. Kemudian, ________________ memasukkan pembalut roti ke dalam poket seluarnya. Perbuatannya itu melambangkan disiplin diri yang terpuji. ____________________ sepatutnya mengikut jejak langkah murid tersebut.

[5 *markah*]

Scanned by CamScanner

**Soalan 24**

*Teliti peta bulatan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.*




(a) Perkataan lain bagi **memudahkan** ialah ______________________________ .

[1 *markah*]

(b) *Tandakan* ( √ ) bagi pernyataan yang benar *atau* ( **X**) *pada pernyataan yang salah.*

| | |
|---|---|
| Suatu pekerjaan yang dilakukan secara bergotong-royong akan mengurangkan masa. | √ |
| Tenaga yang banyak semasa bergotong-royong akan menyebabkan sesuatu pekerjaan menjadi lambat. | |
| Maklumat tentang kebaikan bergotong-royong ini diperoleh daripada pekerja kebersihan sekolah. | |
| Antara kebaikan bergotong-royong adalah dapat menyemai sikap bersatupadu. | |

[3 *markah*]



Scanned by CamScanner

(c) Pada pendapat kamu, adakah gotong-royong penting diamalkan sama ada di kampung mahupun di bandar? Mengapa?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

[3 *markah*]

**Soalan 25**

*Teliti piramid makanan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.*




(a) Mengapakah kita perlu makan makanan pada aras 1 dengan banyak ?

______________________________________________

______________________________________________

[2 *markah*]



Scanned by CamScanner

(b) Rajmany selalu mengalami masalah selesema. Makanan apakah yang perlu diambil lebih oleh Rajmany untuk mengatasi masalahnya?

______________________________________________

______________________________________________

[2 *markah*]

(c) Jika makanan : Pemberi tenaga = karbohidrat

Untuk pembesaran = protein

Elak penyakit = vitamin

*Suaikan gambar dengan fungsi makanan yang betul.*

Sumber protein

Sumber vitamin



Daging





[2 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**



Scanned by CamScanner

BM 1



# Peperiksaan Percubaan UPSR 2019

## Skema Pemarkahan Bahasa Melayu - Pemahaman SJK (C) / (T)

### Bahagian A

| No. Soalan | Jawapan | No. Soalan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | B | 11 | A |
| 2 | D | 12 | B |
| 3 | C | 13 | C |
| 4 | D | 14 | B |
| 5 | A | 15 | B |
| 6 | D | 16 | A |
| 7 | A | 17 | A |
| 8 | B | 18 | D |
| 9 | D | 19 | C |
| 10 | C | 20 | B |

### Bahagian B

**Soalan 21**

i) amat ii) nian iii) sangat iv) paling

**Soalan 22**

a) Ayat aktif : Kakak telah mengemas bilik tidur itu pagi tadi

b) i) tersepak ii) sepakan

c) I) buku ii) bentuk iii) cucuk/secucuk iv kaki

**Soalan 23**

i) kalian ii) Mereka iii) kami iv) dia v) kita



Scanned by CamScanner

Soalan 24

a) menyenangkan

b) × , × , √

c) Pada pendapat saya, gotong-royong penting diamalkan samada di kampung mahupun di bandar kerana aktiviti ini dapat menjimatkan kos, mengeratkan hubungan antara jiran tetangga, dapat kenalan baharu.

# Apa –apa jawapan yang sesuai diterima kecuali maklumat yang terdapat dalam peta bulat.

Soalan 25

a) Untuk memberi tenaga agar dapat melakukan aktiviti seharian.

b) Mengambil banyak makanan yang mengandungi vitamin seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.

c)






Scanned by CamScanner

**Bahagian C**

Aspek yang dinilai:
- menjawab tugasan dan menepati idea
- kegramatisan ayat
- pengolahan idea dan cara penyampaian
- bahasa
- ejaan dan tanda baca

**Soalan 1**
**Karangan Fakta : Cara-cara menjaga keselamatan di jalan raya**

**Pendahuluan :**
- keterangan tentang tajuk- di mana / siapa / apa

**Isi-isi:**

1. menggunakan tali pinggang keledar / ibu bapa memakaikan anak-anak tali pinggang keledar
2. menggunakan jejantas atau lintasan belang
3. berbasikal menggunakan lorong basikal / berbasikal secara selamat
4. memakai topi keledar / menunggang mengikut kelajuan ditetapkan
5. mematuhi undang-undang- had laju / lampu isyarat
6. memastikan kenderaan-diselenggara/ diservis / dalam keadaan baik
7.

**Penutup:**

- keselamatan tanggungjawab diri sendiri –selamat
- Pandu cermat, jiwa selamat / Biar lambat asalkan selamat

( Terima mana-mana isi yang difikirkan sesuai )



Scanned by CamScanner

**Soalan 2:**
**Karangan Surat Kiriman Tidak Rasmi : Sambutan Perayaan Hari Raya**

**Format:**

- Alamat pengirim di kanan
- Tarikh surat di kanan
- Kata hormat
- Pengakuan pengirim di kanan
- Tandatangan pengirim di kanan

**Pendahuluan:**

-pembuka kata

**Isi-isi:**

1. persiapan perayaan hari raya – membeli pakaian, kuih-muih
2. persiapan perayaan hari raya – menceriakan / mengemas rumah / mengecat / menghias
3. semasa perayaan – memohon kemaafan / bersalaman – menikmati makanan istimewa hari raya
4. semasa perayaan – memakai pakaian baharu / membakar mercun / bermain bunga api
5. semasa perayaan- balik kampung / berkunjung ke rumah saudara-mara –menerima angpau
6. semasa perayaan – menonton filem bersama keluarga
7. semasa perayaan – mengunjungi rumah terbuka

**Penutup:**

-harapan –berkongsi cerita / bergembira / berjumpa di lain lembaran

( Terima mana-mana isi yang difikirkan sesuai )



Scanned by CamScanner

BM2



**Peperiksaan Percubaan UPSR 2019**

**JPM / MGB BAHASA MELAYU (SJK)**

**Skema Pemarkahan Kertas 2 (022/032)**

**Bahagian A :** Gambar Pelancongan dan Kebudayaan

Aspek yang dinilai:

- menepati tugasan
- perluasan ayat
- bahasa
- ayat yang gramatis
- ejaan dan tanda baca

1. banyak tempat yang menarik / indah

2. pelbagai jenis makanan / lazat

3. kemudahan pengangkutan / kenderaan awam yang selesa

4. banyak tempat / produk beli-belah

5. pelbagai kaum dan keunikan budaya kaum



Scanned by CamScanner

**Bahagian B**

Petikan : Kelebihan Belajar Secara Berkumpulan
Aspek yang dinilai:

- idea tersurat yang terdapat dalam jadual
- idea tersirat yang dapat dikeluarkan
- bahasa
- ayat yang gramatis
- ejaan dan tanda baca

**Cadangan Idea**

| Idea Tersurat | Idea Tersirat |
|---|---|
| 1. Dapat menambah pengetahuan | wujud perbincangan / pelbagai idea / banyak pendapat |
| 2. Memudahkan untuk memahami sesuatu tajuk | Dapat menerangkan semula / membantu menyelesaikan masalah |
| 3. Mengeratkan hubungan/ hubungan akrab | Bertanya khabar / berkenalan / bergurau |
| 4. Mengelakkan rasa bosan/stres | -boleh mengeluarkan pendapat / ada teman berbual / saling bertanya |

- ***terima idea-idea tersirat lain yang berkaitan**
- *murid menyatakan idea sahaja – √ (**idea tersurat** sahaja)
- * murid menyatakan idea + huraian/contoh/ulasan - √T (**idea tersirat-layak cemerlang**)
- *pendahuluan dan penutup –**tiada markah (kecuali dinyatakan idea tersurat/tersirat)**



Scanned by CamScanner